

# JARDIN BETACREAM 0.01% BETAMETHASONE VALERATE 0.01% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.01% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Jardin Betacream 0.01%
2. Bagaimana Jardin Betacream 0.01% berfungsi
3. Sebelum menggunakan Jardin Betacream 0.01%
4. Cara menggunakan Jardin Betacream 0.01 %
5. Semasa menggunakan Jardin Betacream 0.01%
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Betacream 0.01 %
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Jardin Betacream 0.01 %

Jardin Betacream 0.01% digunakan untuk kegatalan, kemerahan dan bengkak disebabkan masalah kulit seperti eczema, psoriasis dan dermatitis. Ia digunakan untuk:

- masalah kulit yang lebih ringan atau,
- untuk memastikan masalah kulit anda adalah terkawal selepas penggunaan krim Betamethasone Valerate 0.01% w/w.

## Bagaimana Jardin Betacream 0.01 % berfungsi

Jardin Betacream 0.01% mengandungi ubat yang dipanggil Betamethasone Valerate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai steroid. Ia membantu untuk mengurangkan bengkak dan kerengsaan.

## Sebelum menggunakan

### Jardin Betacream 0.1 %

#### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Betamethasone valerate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Pada kanak-kanak berumur kurang dari 1 tahun.

- Untuk merawat masalah kulit yang berikut:

- Jerawat
- Kemerahan teruk pada kulit dan sekitar hidung (rosacea).
- Tompokan ruam merah sekitar mulut (perioral dermatitis).
- Gatal di sekitar dubur dan kemaluan.
- Jangkitan kulit disebabkan oleh kulat dan bakteria.
- Jangkitan kulit disebabkan oleh virus seperti herpes simplex dan chickenpox.

#### - Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Jardin Betacream 0.01% jika anda:

- Jika anda pernah mempunyai reaksi alahan dengan steroid lain.
- Jika anda sapukan krim berhampiran mata atau di atas kelopak mata, katarak atau glaukoma boleh terjadi sekiranya krim berulang kali memasuki mata.
- Jika anda sapukan krim pada kulit nipis seperti muka atau pada kulit kanak-kanak memandangkan kulit mereka adalah lebih nipis berbanding orang dewasa dan membolehkan penyerapan dalam jumlah yang lebih besar.
- Jika anda mempunyai psoriasis.

#### Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

#### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Ubat-ubat tanpa preskripsi
- Ubat herba

## Cara menggunakan Jardin Betacream 0.01 %

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

#### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sekali atau 2 kali sehari. Kekerapan boleh dikurangkan apabila kulit semakin pulih.

Kanak-kanak di atas 1 tahun: Penggunaan hendaklah dihadkan kepada 5 hari dan hendaklah tidak menggunakan pembalut.

#### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Terapi hendaklah dihentikan secara beransur-ansur apabila kawalan telah dicapai.

Bagi kanak-kanak di atas 1 tahun: Penggunaan hendaklah dihadkan kepada 5 hari.

#### - Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

## JARDIN BETACREAM 0.01% BETAMETHASONE VALERATE 0.01% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.01% w/w)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin agak jarang berlaku namun dalam kes kronik berlebihan atau penyalahgunaan, sindrom Cushing boleh berlaku.

**Semasa menggunakan  
Jardin Betacream 0.01 %**

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Jardin Betacream 0.01 %.

Sentiasa bersihkan tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini

Gunakan Jardin Betacream 0.01 % hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Jardin Betacream 0.01 % kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Anda hendaklah menyapu krim di muka apabila doktor mengarahkan berbuat demikian. Ia tidak boleh digunakan melebihi 5 hari kerana kulit di muka mudah menipis.

• Jangan biarkan krim masuk ke dalam mata.

• Jangan gunakan melebihi jumlah yang telah ditentukan oleh doktor anda.

• Jangan gunakan pada permukaan kulit yang luas untuk jangka masa lama, kecuali diarahkan oleh doktor.

• Tidak menggunakan pembalut pada kanak-kanak atau di muka di mana ubat disapu.

• Penggunaan pada kanak-kanak atau di muka hendaklah dihadkan kepada 5 hari

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Jardin Betacream 0.01 % terhadap anda.

Selalu cuci kulit sebelum balutan baru digunakan kerana keadaan panas dan lembap boleh

Jika anda menyapu krim pada pesakit lain, pastikan tangan dicuci selepas berbuat demikian atau pakailah sarung tangan plastik pakai buang.

Jika masalah kulit anda tidak bertambah baik dalam tempoh 2 hingga 4 minggu, berbincang dengan doktor anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Jardin Betacream 0.01% boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Anda mendapati bahawa keadaan kulit anda menjadi lebih teruk atau menjadi bengkak semasa rawatan.
- Anda mungkin alah kepada Jardin Betacream 0.01%, mempunyai jangkitan atau memerlukan rawatan lain.
- Anda mempunyai psoriasis mungkin mendapat benjolan kecil dengan nanah di bawah kulit. Ini boleh berlaku jarang sekali semasa atau

selepas rawatan dan dikenali sebagai psoriasis pustular.

Kesan sampingan lain yang boleh didapati apabila menggunakan Jardin Betacream 0.01% termasuklah:

**Biasa**

Rasa membakar, kerengsaan atau gatal.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
Jardin Betacream 0.01 %**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

Tutup tiub dengan kemas.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

# JARDIN BETACREAM 0.01% BETAMETHASONE VALERATE 0.01% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.01% w/w)

---

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih, lembut dan bebas dari bendasing.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Betamethasone Valerate

- Bahan tidak aktif

- White soft paraffin
- Liquid paraffin
- Cetostearyl alcohol
- Cetomacrogol 1000
- Methyl Paraben
- Propyl Paraben
- Purified Water

- Nombor MAL

MAL\*\*\*\*\*

## Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,  
Lot 1, 2, 3 & 4,  
Kawasan Industri Batu 7,  
23000 Dungun,  
Terengganu, MALAYSIA

## Pemegang Pendaftaran Produk

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,  
No. 12-1, Jalan Delta U6/19,  
Sunway Subang Business Park,  
Jalan TUDM, 40150,  
Shah Alam, Selangor

## Tarikh kemas kini RiMUP

15/01/2026

## Nombor Siri

NPRA (R2) 25/241